



Sarawak Readiness and Implications Upon Application of Digitality in Islamic Education

M.Z. MOHD ZIN^{1, a}, AZIZAH AMINI AMIN^{2, b}, NURFAHIRATUL AZLINA AHMAD^{3, c}, ROHAYA SULAIMAN^{4, d} and AZHAR ABDUL RAHMAN^{5, e}

¹ Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Sarawak Branch, Malaysia

² Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Sarawak Branch, Malaysia

³ Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Penang Branch, Malaysia

⁴ Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Johor Branch, Malaysia

⁵ Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Perlis Branch, Malaysia

mohamadzaid@uitm.edu.my

Received: July 21, 2023

Accepted: September 07, 2023

Online Published: October 26, 2023

Abstract

Traditional way of education which implements one-way communication is seen to cause students to get bored easily. Besides, this way of education also causes the level of students' understanding to be at a low level, especially among weak students. Therefore, a mediator is needed to help overcome this problem. Hence, the use of technology and multimedia is believed to be able to act as an educational aid which will make teaching and learning sessions to become more effective, especially for subjects related to Islamic Education. Following the Covid-19 pandemic, the digitalization of teaching and learning session has become an obligation to all sections. Although there is opposition from some parties, using media as an educational aid is believed to have the potential to be maintained even after the pandemic has ended, provided that it is modified according to today's needs. One of the efforts taken by the Sarawak government for its region in order to support this matter includes equipping all corners of the region with internet facilities. This study aims to collect results of studies conducted which are related to the readiness and implications of the implementation of digitality to Islamic Education in the state of Sarawak. As a result, it was found that the state of Sarawak is suitable for teaching and learning Islamic Education digitally. This can be a success if all parties play their respective roles so that the main target of this effort can be achieved.

Keywords: Islamic education, digital, readiness, implications

Pendidikan Islam Digital di Sarawak: Kesiediaan dan Implikasi

Abstrak

Pendidikan tradisional searah dilihat akan menimbulkan rasa bosan dalam kalangan pelajar dan menyebabkan tahap kefahaman berada di tingkat rendah, terutamanya bagi golongan pelajar lemah. Oleh yang demikian, diperlukan sebuah mediator yang dapat membantu mengatasi masalah ini. Penggunaan teknologi dan multimedia dirasakan mampu berperan sebagai alat bantu pendidikan supaya sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) menjadi lebih efektif khususnya bagi matapelajaran Pendidikan Islam. Berikutan peristiwa pandemik Covid-19, pendigitalan sesi PdP seolah menjadi kewajiban bagi semua bahagian. Walaupun terdapat tentangan daripada sebahagian pihak, namun media sebagai alat bantu pendidikan dilihat berpotensi untuk dikekalkan walaupun pandemi tersebut telahpun berakhir, dengan syarat ianya diubahsuai sesuai dengan keperluan pada hari ini. Salah satu usaha kerajaan bagi wilayah Sarawak demi menyokong perkara ini termasuklah dengan melengkapi seluruh pelosok wilayah dengan kemudahan internet. Kajian ini bertujuan untuk mengumpul hasil kajian berkaitan kesiediaan dan implikasi pelaksanaan Pendidikan Islam secara digital di negeri Sarawak. Hasilnya, ditemukan bahawa keadaan wilayah Sarawak sudah sesuai untuk menjalankan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam secara digital. Hanya saja semua pihak perlu memainkan peranan masing-masing agar target utama usaha ini dapat dicapai.

Kata Kunci: pendidikan Islam, digital, kesiediaan, implikasi



1.0 Pengenalan

Pendidikan secara searah yang merupakan cara belajar tradisional dilihat menjadikan pelajar sebagai penerima pasif menyebabkan timbul rasa bosan dalam kalangan para pelajar. Pelajar yang berhadapan dengan masalah dalam pembelajaran adalah mereka yang lemah dari aspek penguasaan kemahiran belajar berikutan jangka fokus yang pendek. Justeru, mereka sukar untuk memastikan pelajaran yang diperoleh diterima pada kadar yang sewajarnya (Ali & Sahal, 2016). Oleh yang demikian, diperlukan suatu mediator yang dapat meningkatkan daya fokus pelajar dalam sesi pembelajaran agar masalah ini dapat diselesaikan. Pada era serba moden seperti sekarang, para pendidik perlu untuk melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara digital menggunakan kemudahan teknologi sedia ada bagi meningkatkan minat serta kefahaman para pelajar, terutamanya bagi kalangan pelajar lemah. Menurut Plamen & Rodgers (2003) dalam tulisan Siti Hajar Halili (2016), pengaplikasian multimedia dalam PdP banyak menarik minat murid kerana memuat kepelbagaian seperti penambahan muzik, video dan bahkan demonstrasi. Kaedah ini lebih berkesan kepada pemahaman murid kerana terdapat penerangan menggunakan gambar serta tayangan secara langsung (Siti Hajar Halili, 2016).

Kesannya dilihat mampu memberi faedah kepada golongan pendidik, pelajar dan juga bahagian pentadbiran. Ditinjau dari aspek PdP pula, dapat dikesan perubahan pada keupayaan pelajar dalam bekerjasama mengaktifkan diri sepanjang proses PdP berjalan. Para pelajar mengakui bahawa pengajaran berbantuan multimedia mampu membantu mereka dalam proses pembelajaran (Mansor et al., 2002; Sabudin et al., 2008). Selain untuk proses PdP, penggunaan multimedia termasuk penggunaan internet juga digunakan oleh para guru dan pelajar bagi tujuan mencari bahan pengajaran dan pembelajaran di samping mencari bahan-bahan rujukan berkaitan. Usaha ini dilihat seolah menjadi suatu kewajiban pula berikutan peristiwa penularan pandemik Covid-19 yang bermula 18 Mac 2020. PdP secara atas talian telah menjadi kebiasaan baharu sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) kerana proses PdP secara bersemuka telah tergendala dan tertangguh. Sektor-sektor awam dan swasta termasuklah sektor pendidikan perlu bekerja daripada rumah (Abdullah et al., 2021; Madzalan et al., 2022). Susulan dari peristiwa tersebut, pelaksanaan pendidikan secara digital menggunakan pelbagai media seperti powerpoint, permainan atau kuiz atas talian, video, rakaman suara dan bahkan aplikasi-aplikasi berkaitan masih dikekalkan hingga ke hari ini kerana dilihat telah membawa kesan positif terhadap sesi PdP. Di antara aplikasi yang seringkali menjadi pilihan guru-guru dalam melaksanakan PdP secara atas talian termasuklah, Google Classroom, Whatsapp, Telegram, Kahoot, Quizzes, Google Meet, Zoom dan juga mencetak bahan sebagai sumber pembelajaran untuk diagihkan kepada para pelajar (Abdullah et al., 2021). Aplikasi-aplikasi dan cara ini termasuk mudah untuk digunakan serta dapat diakses oleh guru serta pelajar dari pelbagai golongan usia secara efektif. Bahkan, aplikasi Google Meet termasuk salah satu dari aplikasi yang disarankan oleh pihak kerajaan dalam manual Pengajaran dan Pembelajaran di rumah atau singkatannya PdPR (Moyang & Razak, 2022).

Jika dipandang dari sudut Pendidikan Islam, sudah tentu usaha ini turut akan membuahkan kesan positif memandangkan sebahagian besar topik pembelajaran dalam matapelajaran ini (seperti tajuk-tajuk ibadah, sirah, al-Quran dan tajwid serta lain sebagainya), memerlukan kaedah pembelajaran secara tunjuk cara beserta praktikal supaya pelajar dapat memahami dan menguasainya dengan baik (Ilias & Jasmi, 2011). Sebelum pandemik, PdP dikendalikan secara bersemuka antara guru dan pelajar, namun, hal ini berubah kepada pembelajaran secara maya disebabkan oleh PKP yang menyebabkan guru dan pelajar tidak dapat turun ke sekolah. Sekalipun sebenarnya sebahagian guru dan pelajar ada yang sudah mula mengadaptasi penggunaan ICT dalam proses PdP sebelum pandemik Covid-19 lagi, namun ianya masih disertai dengan penerangan serara langsung daripada guru yang mengajar. Pembelajaran dalam talian sebenarnya sudah mula pesat dilaksanakan oleh kebanyakan universiti di Malaysia semenjak penubuhan Koridor Raya Multimedia (MSC) pada tahun 1999 lagi (Ibrahim et al., 2022). Justeru itu, teknik PdP secara maya pada waktu Covid menjadi lebih mencabar apabila guru digesa untuk menjadi lebih kreatif dan inovatif dalam menghadapi situasi tersebut (Yahaya et al., 2022). Pandemik Covid-19 nyata membuka peluang yang luas kepada warga pendidik supaya melengkapkan diri dengan penguasaan teknologi digital dengan baik dan pada masa yang sama melahirkan pelajar yang celik teknologi menjelang Revolusi Industri 4.0 (Moyang & Razak, 2022). Oleh itu, pembelajaran secara digital perlu untuk dikekalkan bahkan dimantapkan dalam proses PdP kerana ianya mampu memberi manfaat kepada kedua belah pihak terlebih dalam memahami pembelajaran secara maksimum.

Hal ini turut relevan kerana pihak Kementerian Pendidikan Malaysia sebenarnya telah mengemukakan berbagai inisiatif yang berujuan menjadikan sistem pendidikan negara, terutamanya yang berkaitan pembelajaran dalam talian, agar setanding dengan negara-negara maju lain sepertimana yang disebutkan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Pihak kerajaan bercita-cita agar semua lapisan masyarakat merasakan kesamarataan bagi akses kepada pendidikan berkualiti yang bertaraf antarabangsa dengan memanfaatkan teknologi komunikasi dan maklumat yang bertujuan untuk meningkatkan kualiti pembelajaran di Malaysia (Yahaya et al., 2022).



Namun, memasuki abad ke-21 ini, guru-guru dilihat terbeban dengan tugas yang semakin mencabar. Mereka tidak hanya fokus dengan tugas mengajar semata tetapi turut diberi tugas lain berkaitan perkeranian, menjadi fasilitator, motivator, perancang aktiviti dan program, penasihat kokurikulum, pemimpin kelab, persatuan dan unit beruniform, berperan sebagai jurulatih sukan dan pelbagai tugas lainnya. Oleh yang demikian, walaupun pendidikan secara digital dilihat mampu memberi manfaat kepada proses PdP, muncul persoalan dalam kalangan pendidik dan pelajar, tentang, “bagaimana tahap kesediaan guru dan pelajar dalam menghadapi perkara tersebut?” serta “apakah implikasinya terhadap pendidikan Islam di Sarawak?”

2.0 Metodologi

Kajian ini merupakan kajian kualitatif berbentuk tinjauan pustaka melalui pembacaan terhadap kajian-kajian yang telah dilaksanakan sebelumnya. Pengumpulan data dilaksanakan melalui kajian perpustakaan dengan merujuk sumber-sumber sekunder yang terdiri daripada artikel serta jurnal ilmiah yang berkaitan dengan kajian penulis. Analisis data pula dilakukan secara analisis dokumen.

3.0 Pendidikan Islam Digital di Sarawak

Merujuk istilah pendidikan yang berkaitan dengan Islam, dapat diringkaskan sebagai sebuah proses mengasuh, mendidik, membela, mematuhi arahan pemimpin, mengubah sifat *mazmumah* (tercela) kepada kelakuan *mahmudah* (terpuji) dan membentuk sikap belajar. Pendidikan Islam juga adalah suatu proses melaksanakan falsafah pendidikan dan menerjemahkannya secara realiti supaya dapat diamalkan dalam kehidupan sehari-hari (Kawangit, 2014). Oleh itu, tugas guru Pendidikan Islam dalam membentuk pelajar adalah besar kerana seolah telah mengambil alih sebahagian daripada tugas keluarga untuk mendidik anak-anak mereka. Topik-topik utama yang menjadi bahasan dalam Pendidikan Islam terdiri daripada tujuh bidang utama, iaitu al-Quran, Hadis, Akidah, Ibadah, Sirah, Adab, dan Jawi (KPM, 2015). Di samping menyampaikan ilmu pengetahuan berkaitan topik-topik tersebut, guru Pendidikan Islam turut berperan sebagai *muaddib* (pembina akhlak) dan sumber *qudwah hasanah* (contoh ikutan yang baik) yang bertujuan untuk membimbing pelajar bukan hanya supaya mengetahui, tetapi juga memahami, mengamal dan menghayati prinsip-prinsip Islam dalam satu kerangka yang tersepadu dan jelas. Di sini, guru berperan sebagai sumber rujukan berautoriti yang bertanggungjawab untuk menentukan tahap pencapaian pelajar dan memastikan ilmu pengetahuan diserap ke hati sehingga menghasilkan pelajar yang berakhlak mulia.

Selain matapelajaran Pendidikan Islam di bawah kelolaan Kementerian Pendidikan Malaysia, terdapat juga Program Kelas al-Quran dan Fadhul Ain (KAFA) atas usulan Bahagian Hal Ehwal Islam (JAKIM) yang berada di bawah Jabatan Perdana Menteri. Program ini telah bermula sejak 1988 bertujuan menangani masalah kanak-kanak Islam yang tidak boleh membaca al-Quran dengan baik serta tidak beramal dengan perkara asas Fardhu Ain. KAFA juga adalah sebagai langkah berterusan, inisiatif dari pihak JAKIM bagi mendidik dan membentuk murid-murid mengembangkan fitrah insan yang senada dengan ajaran al-Quran dan as-Sunnah. Usaha ini dilaksanakan supaya para pelajar menjadi manusia yang kuat iman dan amalan seterusnya menghayati cara hidup Islam (Yahaya et al., 2022). Sebelum pandemik, PdP dilaksanakan secara bersemuka antara guru dan pelajar. Justeru, mudah bagi guru-guru untuk memerhatikan perkembangan para pelajar dari segi pemahaman dan pelaksanaan ilmu Pendidikan Islam secara langsung. Namun, hal ini berubah kepada pembelajaran secara maya disebabkan oleh PKP yang menyebabkan guru dan pelajar tidak dapat turun ke sekolah seperti biasa. Disebabkan perkara ini, pada tahun 2020, pihak kerajaan mengambil inisiatif memperkenalkan manual PdP di Rumah (PdPR) sebagai panduan kepada guru agar PdPR secara berstruktur dan terancang dapat berjalan secara optimum (Madzalan et al., 2022).

Pendigitalan dalam pendidikan kemudian semakin hangat diperbincangkan di seluruh negara sebagai salah satu usaha penanganan wabak Covid-19 di Malaysia. Selain sesi pembelajaran di sekolah, KAFA yang merupakan subjek luar sidang turut terpaska dilaksanakan secara atas talian. Perguruan di peringkat KAFA yang mula menggunakan teknik pembelajaran maya secara lebih dinamik. Kelas-kelas KAFA mulai dilaksanakan dari rumah dengan menggunakan modul pembelajaran yang telah diubahsuai mengikut kesesuaian cara pembelajaran. Kelas KAFA dilaksanakan melalui penggunaan Google Classroom, Google Meet, Whatsapp dan Telegram (Yahaya et al., 2022). Bagi memastikan pembangunan modal insan berjalan secara menyeluruh dan berkesan, bidang teknologi tidak terlepas menjadi salah satu dari pelbagai aspek yang mesti dikuasai (Ilias & Jasmi, 2011). Justeru itu, strategi dan perancangan yang baik perlu dibuat agar objektif tersebut dapat dicapai. Proses PdP dengan menggunakan alat bantu media dan teknologi mampu memberi manfaat kepada guru dan pelajar, terlebih dalam usaha memahami pembelajaran secara maksimum. Hal ini turut relevan kerana pihak Kementerian Pendidikan Malaysia sebenarnya telah mengemukakan berbagai inisiatif yang berujuan menjadikan sistem pendidikan negara, terutamanya yang berkaitan pembelajaran dalam talian, agar setanding dengan negara-negara maju lain sepertimana yang disebutkan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-



2025. Dikutip dari kajian Ibrahim et al. (2022), kerajaan dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) berhasrat agar semua pelajar memperoleh manfaat dari setiap perubahan dan perkembangan yang berlaku dalam sistem negara kerana dasar dan polisi kerajaan menuju ke arah pendidikan yang bertaraf global serta memiliki keistimewaan yang tersendiri. Pihak kerajaan bercita-cita agar semua lapisan masyarakat merasakan kesamarataan bagi akses kepada pendidikan berkualiti yang bertaraf antarabangsa dengan memanfaatkan teknologi komunikasi dan maklumat yang bertujuan untuk meningkatkan kualiti pembelajaran di Malaysia (Yahaya et al., 2022). Selain itu, pihak kerajaan menerusi matlamat Pembangunan Mampan (SDG) melalui Matlamat 4 Kualiti Pendidikan ada menyatakan tentang pendidikan berkualiti untuk semua golongan dengan berpandukan prinsip “*Leaving No One Behind*” yang perlu dicapai pada tahun 2030 (Ibrahim et al., 2022).

Melihat kepada relevansi hal ini bagi wilayah Sarawak, pihak kerajaan mensasarkan akan ada capaian internet secara menyeluruh di seluruh Sarawak menjelang tahun 2024. Menurut Tan Sri Annuar Musa, Menteri Komunikasi dan Multimedia, hal ini akan dicapai melalui pelaksanaan Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) Fasa 2 menggunakan teknologi satelit kerana sekiranya melalui cara pemasangan menara dan fiber optik akan mengambil masa yang panjang iaitu sekitar 10 tahun lagi. Menerusi usaha ini, lebih 600 kampung di Sarawak akan mendapatkan akses internet (Awani, 2022; Harian, 2022). Hal ini demikian kerana kemudahan capaian internet pada hari ini sudah menjadi sebuah keperluan penting dalam menajalankan aktiviti dan kehidupan sehari-hari terutama sekali ketika pandemik Covid-19 melanda negara (Portal, 2021). Oleh yang demikian, tidak menjadi masalah kepada penduduk wilayah Sarawak untuk mengadaptasi penggunaan internet bagi sesi pembelajaran, bukan hanya di sekolah tetapi juga ketika berada di tempat masing-masing. Sungguhpun beberapa ketika sebelumnya Covid-19 dianggap sebagai suatu pandemik yang merugikan, namun di satu sisi wabah ini dilihat telah mampu merubah sistem pendidikan tradisional kepada sistem yang lebih fleksibel dengan mencuba kemudahan inovasi pelbagai aplikasi semasa.

4.0 Kesediaan Pembelajaran Pendidikan Islam Digital

Implikasi buruk pandemik Covid-19 bukan sahaja melanda pelajar, malahan guru-guru juga terkena tempasnya. Guru-guru Pendidikan Islam khususnya, menghadapi masalah terutama dalam pengajaran bidang al-Quran. Pembelajaran al-Quran, yang berkaitan pembacaan biasanya diajarkan secara *talaqqi musyafahah*, yakni murid belajar secara langsung daripada melihat cara sebutan dan mimik mulut guru lalu dicontohi dan disimak salah benarnya oleh guru (Moyang & Razak, 2022). Justeru, pembelajaran al-Quran secara atas talian dilihat sukar untuk dijalankan kerana terdapat permasalahan yang harus ditempuhi. Sungguhpun terlihat mustahil, namun kajian ke atas kesediaan guru dalam menggunakan teknologi bagi sesi PdP menunjukkan hasil yang positif. Siti Hajar Halili (2016) mendapati majoriti guru menunjukkan sikap positif terhadap penggunaan teknologi maklumat komunikasi (TMK) sebagai alat bantu PdP di samping beranggapan bahawa ianya sangat penting bagi sistem pendidikan hari ini. Menurut peserta temubual yang terdiri daripada para guru, penggunaan TMK membantu memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran kerana pelajar didedahkan kepada gambaran dan persembahan yang ringkas namun padat serta menarik menjadikannya mudah untuk difahami. Menurut Madzalan et al. (2022), dapatan kajiannya mendapati tahap kesediaan guru-guru agama di sekolah swasta terhadap PdP atas talian berada di tahap sederhana dan tinggi. Kajian Moyang & Razak (2022) pula mendapati bahawa tahap pengetahuan dan kesediaan guru Pendidikan Islam di sekolah rendah Padawan, Sarawak terhadap aplikasi Google Meet dalam pengajaran Pendidikan Islam adalah tinggi. Oleh itu, menurut penulis, dengan bantuan dari guru, penggunaan media dan teknologi adalah mungkin untuk diadaptasi ke dalam proses PdP. Terdapat beberapa lagi kajian yang turut menyatakan kesediaan guru untuk melaksanakan PdP secara atas talian kerana berpendapat beberapa aplikasi sedia ada mempunyai ciri mesra pengguna yang tinggi (Moyang & Razak, 2022).

Namun demikian, kesediaan guru dan pelajar perlulah seiring kerana kesediaan satu pihak sahaja tidak akan membuahkan hasil terbaik. Kesediaan guru dan pelajar adalah sangat penting bagi memastikan pendidikan berbantuan mediator teknologi berjalan dengan lancar supaya visi dan misi pendidikan dapat terealisasikan. Oleh yang demikian, beberapa pengkaji telah menjalankan kajian berdasarkan sesebuah populasi untuk mendapatkan maklumat tentang kesediaan guru dan pelajar dalam menghadapi situasi ini. Proses PdP secara atas talian meliputi konsep yang sangat luas kerana ia merupakan rangkuman pelbagai pengetahuan termasuklah kemahiran menggunakan aplikasi yang terdapat dalam program komputer. Selain itu, bagi memastikan segala maklumat yang disampaikan oleh guru dapat diakses dengan baik agar ilmu yang dikutip adalah sempurna, capaian internet pengguna mestilah berada pada tahap yang stabil dan meluas. Berdasarkan temubual yang telah dijalankan oleh Abdullah et al. (2021) ke atas 10 orang pelajar menemukan bahawa para pelajar telah memiliki pengetahuan dalam mengakses internet. Namun demikian, hanya 40 % memiliki akses internet peribadi di rumah, selebihnya masih bergantung kepada ibu bapa untuk mengakses internet. Salah satu masalah yang dihadapi dalam menjalani pendidikan atas talian semasa pandemik yang lepas termasuklah juga kekurangan alat peranti bagi tujuan menghadiri sesi PdP yang diadakan oleh guru. Sebahagian keluarga hanya memiliki alat peranti yang terhad namun dikongsi oleh beberapa orang dalam satu keluarga. Justeru



terdapat segelintir pelajar yang tidak dapat hadir sesi PdP tepat waktu. Kini, hasil inisiatif daripada Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (K-KOMM) dengan kerjasama Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) dan Kementerian Pengajian Tinggi melalui Belanjawan 2022, pelajar daripada keluarga berpendapatan rendah (B40) yang terdiri daripada pelajar Universiti Awam, Institusi Pendidikan Tinggi Swasta, Politeknik dan Kolej Komuniti di Sarawak menerima *tablet* di bawah program Peranti Siswa Keluarga Malaysia (Portal, 2022). Usaha ini wajar diteruskan bagi golongan pelajar sekolah pula agar mereka turut dapat menyertai dan menjalankan PdP secara digital dengan lebih terbantu. Pelajar sekolah seharusnya mendapatkan akses kepada kandungan pembelajaran yang lebih luas, menarik dan interaktif melalui peralatan yang lengkap (Abdullah et al., 2021). Bagi tujuan memenuhi keperluan pembelajaran secara digital ini, tentu memerlukan alatan teknologi atau gadget peribadi seperti komputer, laptop, telefon pintar dan sebagainya. Di beberapa keadaan, keluarga tidak mampu menyediakan keperluan tersebut di atas faktor kewangan misalnya, maka wujud ruang yang perlu diisi oleh pihak kerajaan bagi mengatasi masalah demi mengatasi masalah tersebut (Yahaya et al., 2022). Bagi memastikan seluruh wilayah Sarawak mendapatkan akses kepada jaringan internet, Menteri Komunikasi dan Multimedia, Tan Sri Annuar Musa menyatakan bahawa menjelang 2024 akan ada capaian internet secara menyeluruh di seluruh Sarawak dengan lebih 600 buah kampung di Sarawak akan mendapatkan akses internet (Awani, 2022; Harian, 2022). Oleh yang demikian, tidak menjadi masalah kepada penduduk wilayah Sarawak untuk mengadaptasi penggunaan internet bagi sesi pembelajaran, meliputi kawasan luar bandar, bukan hanya di sekolah tetapi juga ketika berada di tempat masing-masing.

5.0 Implikasi Pengajaran Pendidikan Islam secara Digital

Umumnya, guru adalah insan yang bertanggungjawab menyampaikan ilmu kepada anak didiknya berdasarkan bidang kepakaran masing-masing. Sebagai contoh, guru pendidikan Islam memainkan peranan untuk memberikan didikan serta pengetahuan kepada pelajar berkaitan bidang Pendidikan Islam yang merangkumi topik tilawah al-Quran, hadis, ibadah, aqidah dan sejarah tamadun Islam. Penghayatan yang baik terhadap topik-topik ini dilihat dapat memberikan perubahan kepada diri pelajar kerana pelajar dapat mengaplikasikan Islam yang sebenar dalam kehidupan sehari-hari (Madzalan et al., 2022). Kesediaan guru dalam menghadapi PdP atas talian memerlukan ilmu pengetahuan terkini, kemahiran pengajaran yang terstruktur dan juga motivasi diri yang berterusan dalam menjayakan PdP. Kesediaan dalam merancang bahan pengajaran dan masa penyediaan diperlukan demi memastikan pengajaran terlaksana sebaiknya. Cabaran utama dalam pelaksanaan PdPR adalah faktor masa dan aspek persediaan berbentuk latihan penggunaan aplikasi teknologi yang berkaitan (Madzalan et al., 2022). Guru perlu mahir menggunakan platform digital sedia ada, terutamanya guru senior yang mungkin menghadapi kesukaran untuk mengadaptasi diri kepada perkara baru (Abdullah et al., 2021). Sebelum memulakan sesi pembelajaran, guru perlu terlebih dahulu merancang dan menyediakan bahan bantu mengajar berteraskan media yang mana akan menuntut lebih masa guru untuk menyelesaikannya (Yahaya et al., 2022). Justeru, pihak berwajib perlu memainkan peranan untuk menyediakan kursus kemahiran buat para guru supaya mereka dilengkapi dengan pengetahuan yang sepatutnya dan guru tidak boros waktu dalam usaha menyediakan bahan pengajaran agar sesuai dengan yang diperlukan.

Sebenarnya, sejak 2014 lagi, guru-guru telah diberikan latihan dan kursus bagi mengendalikan perkakasan komputer beserta aplikasi-aplikasi yang terdapat di dalamnya (Abdullah et al., 2021). Namun, seiring waktu berjalan, aplikasi dan juga gadget hari ini sudah semakin canggih. Bahkan, para pelajar ada yang lebih tahu daripada guru-guru (Madzalan et al., 2022). Justeru, guru dilihat memerlukan kursus secara berkala agar pengetahuan mereka seiring dengan perkembangan zaman dan mereka mampu berinovasi serta mereka pendekatan yang pelbagai agar sesi PdP diminati oleh para pelajar. Menurut Marni Izzati (2020) dalam Moyang dan Razak (2022) pula, tidak semua guru memiliki pengetahuan teknologi bersedia untuk menjalankan PdP secara atas talian kerana mereka lebih cenderung kepada pengajaran secara konvensional disebabkan oleh suasana persekitaran bilik darjah yang dianggap lebih selesa dan tidak dapat dirasakan melalui pembelajaran alam maya (Moyang & Razak, 2022). Kemungkinan besar, guru-guru tersebut belum begitu mengetahui cara yang terbaik untuk memanfaatkan teknologi dalam pembelajaran. Seiring dengan perubahan dunia global, teknologi akan sentiasa mengalami perkembangan. Namun, guru yang kurang mengetahui berkenaan teknologi masa kini menyebabkan mereka tidak mengadaptasi teknologi dalam sesi PdP (Moyang & Razak, 2022). Hal ini membuktikan bahawa tahap pengetahuan yang tinggi berkenaan teknologi akan mempengaruhi kesediaan guru untuk mengaplikasikannya ke dalam sesi PdP. Tahap pengetahuan yang baik tentang teknologi akan membantu guru dalam proses penyampaian maklumat agar lebih kreatif sehingga mewujudkan suasana pembelajaran yang menyenangkan. Hal ini akan meningkatkan motivasi pelajar untuk melibatkan diri secara aktif ketika sesi PdP. Kesian guru amat penting dalam memastikan keberkesanan sesi PdP. Namun, kesediaan guru dan murid perlulah seiring. Suka atau tidak, semua pihak perlu menerima hakikat bahawa penggunaan TMK dalam pembelajaran adalah norma baharu yang perlu dilalui oleh guru, pelajar dan semua pihak yang berkaitan.



Guru perlu menyesuaikan diri dengan norma baharu ini kerana ia akan menjadikan sebuah peluang untuk guru lebih mendalami ilmu teknologi baharu serta menguasai e-pembelajaran agar guru mampu mempelbagaikan corak pengajaran supaya penyampaian ilmu kepada pelajar menjadi lebih efektif (Moyang & Razak, 2022). Guru juga perlu menguasai strategi dan kaedah e-pembelajaran supaya murid lebih bersemangat untuk belajar kerana sikap dan minat untuk belajar turut merupakan penyumbang terhadap peningkatan pencapaian pelajar. Sekiranya, pelajar tidak berminat untuk belajar, akan menjejaskan pencapaian mereka (Sharifudin & Razak, 2022). Minat pelajar akan mampu untuk dipupuk sekiranya guru mampu menggunakan pembelajaran secara koperatif di mana para pelajar dapat lebih yakin untuk menyampaikan idea dan melibatkan diri secara aktif ketika sesi PdP dijalankan. Oleh yang demikian, guru dituntut untuk kreatif dan inovatif dalam menyampaikan ilmu supaya murid termotivasi untuk terus belajar. Dalam menghadapi pelajar lemah khususnya, guru dituntut untuk meyemai sikap peka, prihatin dan terbuka serta memberi perhatian yang lebih kepada golongan ini agar proses PdP berjalan dengan lancar (Moyang & Razak, 2022).

Guru-guru perlu juga sentiasa meneroka kemahiran baharu sama ada dari segi bahan bantu mengajar ataupun perisian yang sesuai untuk disampaikan kepada pelajar (Yahaya et al., 2022). Pemilihan aplikasi yang sesuai turut akan mempengaruhi keberlangsungan sesi PdP. Menurut Fakrudin et al. (2019) di dalam Moyang & Razak (2022), hal ini bertujuan memastikan tidak berlaku *lag* ataupun *screen freeze* yang akan mengganggu kelancaran sesi PdP dan menyebabkan pelajar hilang fokus. Pengaplikasian TMK dalam sesi PdP seolah menambah bebanan tugas untuk guru-guru. Namun, hal ini hanya akan berlaku di tingkat awal pengaplikasian. Seiring waktu berjalan, perkara ini bahkan akan sangat memudahkan tugas para guru. Tetapi, di satu sisi, guru perlu bijak mengawal masa serta emosi diri kerana dikhuatiri mereka terancam gejala tekno fobia dan tekno stress yang boleh berlaku disebabkan keterbukaan arus teknologi dalam bidang pendidikan (Ilias & Jasmi, 2011). Sudah menjadi tanggungjawab guru untuk menyediakan bahan pengajaran yang dirasakan terbaik dan efektif buat pelajar, tetapi usaha sendiri murid turut memainkan peranan dalam mencapai kefahaman pembelajaran. Menurut Bahtiar et al. (2020), kompetensi semua pihak dalam pengaplikasian teknologi masa kini memainkan peranan penting bagi menjamin keberhasilannya di bidang pendidikan (Yahaya et al., 2022).

Selain itu, berdasarkan kajian terdahulu, ditemukan juga bahawa cabaran yang dihadapi oleh guru dalam menghadapi sesi PdP atas talian termasuklah kurangnya kemudahan infrastruktur digital. Terdapat pelbagai faktor yang menyebabkan pelajar tidak dapat menyiapkan tugas daripada guru ketika PdP dijalankan. Hal ini termasuklah kerana faktor capaian jalur lebar, tidak memiliki peranti elektronik sendiri, contohnya telefon pintar, komputer riba dan mesin pencetak. Sebab-sebab ini telah mempengaruhi kesiapan pelajar untuk menyiapkan tugas yang diberikan oleh guru (Abdullah et al., 2021). Oleh yang demikian, pihak berwajib perlu mengambil tindakan segera agar situasi seperti ini tidak terus-menerus terjadi. Pemimpin sebagai *role model* perlu memainkan peranan dan ikut serta dalam usaha ini kerana sikap dan tingkah lakunya akan menjadi contoh buat individu-individu di bawah pimpinannya (Ibrahim et al., 2022). Perdana Menteri ada menyatakan bahawa proses pendigitalan dan pembelajaran secara maya akan diperkasakan lagi. KPM juga telah meletakkan keperluan TMK dalam pendidikan sebagai Anjakan 7: Memanfaatkan ICT, bertujuan untuk meningkatkan kualiti pembelajaran di Malaysia. Hal ini kerana, KPM percaya bahawa ianya dapat membantu memperkukuh proses PdP di semua sekolah di Malaysia (Abdullah et al., 2021). Justeru, semua pihak perlu memainkan peranan masing-masing agar masalah-masalah ini dapat diatasi dan pembelajaran secara digital dapat dijalankan sesuai harapan. Di antara lain tanggungjawab pemimpin dan pihak berwajib adalah untuk menyediakan kursus berkala bagi meningkatkan kompetensi guru dan murid. Selain itu, garis panduan pendidikan juga perlu lebih diperkasa supaya guru-guru memiliki dasar pegangan yang lebih kukuh (Madzalan et al., 2022). Garis panduan PdP semasa Covid-19 wajar dikaji kembali dan diubahsuai agar relevan untuk digunakan untuk keadaan hari ini.

6.0 Kesimpulan

Golongan pendidik masa kini perlu melengkapi diri dengan pengetahuan serta kemahiran teknologi agar objektif dalam PdP dapat disampaikan secara maksimum di samping guru dapat memainkan peranan membantu pelajar yang masih lemah mengendalikan teknologi dalam pengaplikasian PdP. Hal ini demikian supaya tidak wujud jurang yang terlalu ketara dalam kalangan pelajar dari segi kemahiran dan pengetahuan. Berdasarkan kajian yang telah dijalankan, guru-guru Pendidikan Islam di Sarawak sudah mampu dan sanggup untuk menjalankan pengajaran dan pembelajaran secara digital, begitu juga dengan para pelajar. Hanya saja terdapat segelintir golongan yang masih menghadapi beberapa permasalahan ketika sesi PdP secara atas talian dijalankan. Namun, hal ini dilihat akan mampu diatasi sekiranya PdP dijalankan secara digital di sekolah, digabungkan dengan penerangan secara langsung daripada guru. Pada era serba moden seperti sekarang, penggunaan teknologi dalam semua bidang seolah telah menjadi suatu tuntutan zaman. Tuntutan PdP kini memerlukan kecekalan para guru supaya memikirkan medium yang paling sesuai untuk menyampaikan silabus pelajaran. Justeru, guru perlu melengkapi diri dengan kemahiran teknologi sebaiknya supaya dapat dijadikan mediator untuk memastikan target pendidikan dapat dicapai. Hal ini juga penting agar guru tidak



ketinggalan oleh pelajar yang kini semakin celik menggunakan teknologi dalam kehidupan seharian. Sudah menjadi tanggungjawab pihak berwajib untuk memainkan peranan menyediakan prasarana yang dapat mendukung hal ini, dari segi persediaan, ruang dan peluang buat kegunaan guru dan pelajar. Sungguhpun menghadapi sedikit kesukaran dan masalah untuk diaplikasikan, namun kemunculan teknologi dilihat sebagai suatu momentum yang positif dalam dunia pendidikan. Ia dapat dijadikan mediator yang dapat meningkatkan kualiti sesi pengajaran dan pembelajaran dan memastikan input diterima dengan baik oleh para pelajar. Dapatan kajian ini penting bagi meninjau kesediaan wilayah Sarawak untuk mengadaptasi teknologi dan multimedia dalam PdP serta diharapkan dapat menjadi panduan untuk memperbaiki kekurangan yang masih wujud khususnya dalam bidang Pendidikan Islam. Kajian lanjutan menggunakan kaedah penyelidikan lain wajar dijalankan supaya sistem Pendidikan Islam menjadi lebih efektif dan sesuai dengan peredaran masa.

Rujukan

- Abdullah, N. M. S. A. N., Ali, R., Yahya, N. N., & Isa, M. (2021). Cabaran Pengajaran Digital Secara Maya dan Kesediaan Murid Pasca Covid 19. *Jurnal Sains Insani*.
- Ali, M. M., & Sahal, N. (2016). Intervensi meningkatkan tumpuan dalam pembelajaran murid bermasalah pembelajaran. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 41(1), 1-6.
- Awani, A. (2022). *Capaian Internet Menyeluruh di Sarawak Menjelang 2024* -Annuar Musa [Newspaper]. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/capaian-internet-menyeluruh-di-sarawak-menjelang-2024-annuar-musa-381886>
- Harian, S. (2022). *Capaian Internet Menyeluruh d Sarawak Menjelang 2024* [Newspaper]. <https://www.sinarharian.com.my/article/222089/berita/nasional/capaian-internet-menyeluruh-di-sarawak-menjelang-2024>
- Ibrahim, P. H., Yue, W. S., & Wahab, J. L. A. (2022). Peranan Pemimpin Universiti Dalam Membudayakan Pembelajaran Dalam Talian. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(7), e001627-e001627.
- Ilias, M., & Jasmi, K. A. (2011). Persediaan pengetahuan dan kemahiran dalam mengatasi fenomena tekno fobia dan tekno stress guru-guru pendidikan Islam. Seminar Kebangsaan Silang Budaya,
- Kawangit, R. M. (2014). Peranan Guru Pendidikan Islam Dalam Pengurusan Aktiviti Dakwah Di Sekolah. In: Researchgate.
- KPM. (2015). *Dokumen Standard Kurikulum Sekolah Rendah (KSSR) Pendidikan Islam Tahun 6*. Kementerian Pendidikan Malaysia
- Madzalan, J., Ilias, M. F., Jamar, A., Basir, H., & Pisol, M. I. M. (2022). Tahap kesediaan guru dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR): kajian tinjauan di salah sebuah sekolah kelolaan Yayasan Pendidikan Islam Selangor (YAPIS): Level of teacher readiness in the implementation of teaching and learning at home (PdPR): A survey in one of the schools managed by the Selangor Islamic Education Foundation (YAPIS). *ATTARBAWIY: Malaysian Online Journal of Education*, 6(2), 11-18.
- Mansor, N., Mahmud, N., & Ahmad, F. (2002). Aplikasi TM Dalam Pembelajaran Penulisan Ilmiah: Tinjauan Dari Aspek Kemahiran Dan Persepsi Pelajar. Dalam Prosiding Seminar Teknologi Maklumat dan Komunikasi. Miri: IPG Kampus Batu Lintang,
- Moyang, S. N., & Razak, K. A. (2022). Kompetensi Guru Pendidikan Islam Menggunakan Google Meet Untuk Pengajaran al-Quran. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(3), e001329-e001329.
- Portal, U. (2021). *KKMM Digesa agar Tangani Segera Masalah Capaian Internet di Sarawak* [Newspaper]. <https://ukas.sarawak.gov.my/2021/09/21/kkmm-digesa-agar-tangani-segera-masalah-capaian-internet-di-sarawak/>
- Portal, U. (2022). *1340 Pelajar B40 UiTM Cawangan Sarawak Terima Peranti Siswa dan Food Bank* [Newspaper]. <https://ukas.sarawak.gov.my/2022/11/02/1340-pelajar-b40-uitm-cawangan-sarawak-terima-peranti-siswa-dan-food-bank/>
- Sabudin, S., Alwi, N. H., Atan, H., & Luan, W. S. (2008). Sikap Guru Sains di Negeri Sembilan Terhadap Penggunaan Teknologi Komputer di Makmal Sains. *Sains Humanika*, 48(1).
- Sharifudin, S., & Razak, K. A. (2022). PENGGUNAAN KALIS JAWI DAN TRAVELING FILE DALAM MENINGKATKAN KEMAHIRAN MENYAMBUNG HURUF JAWI DI SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN CINA (SJKC):[THE USE OF KALIS JAWI AND TRAVELING FILE IN IMPROVING THE SKILLS OF CONNECTING JAWI LETTERS IN CHINESE NATIONAL-TYPE PRIMAY SCHOOLS]. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education*, 2(1), 115-128.



- Siti Hajar Halili, S. (2016). Penerimaan Guru Terhadap Penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi Berasaskan Model TAM dalam Pengajaran Mata Pelajaran Bahasa Tamil. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 4(2), 11.
- Yahaya, A. M., Moidin, S., Yakob, M. A., Zakaria, H. B., & Abdullah, M. (2022). Model Wakaf Pendidikan Kelas Al-Quran Dan Fardu Ain (Kafa) Secara Maya Fasa Pandemik Covid-19: Waqaf Education Model of Virtual Al Quran And Fardu Ain (Kafa) Classes in the Covid-19 Pandemic Phase. *Sains Insani*, 21-33.